



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERMASALAHAN DI KALANGAN MUALAF DAN KHIDMAT
SOKONGAN OLEH PERKIM NEGERI PERAK**

NOR FADZILA BINTI ABDUL SHUKOR

FPP 1999 1

PERMASALAHAN DI KALANGAN MUALAF DAN KHIDMAT SOKONGAN

OLEH PERKIM NEGERI PERAK

OLEH

NOR FADZILA BINTI ABDUL SHUKOR

Projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat bagi mendapatkan Ijazah sarjana Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia

Mei 1999



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmatNya, projek ini dapat disiapkan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Mizan Adiliah bt Ahmad Ibrahim, yang merupakan penyelia projek ini. Beliau telah banyak memberi bimbingan, galakan dan perhatian sehingga saya dapat menyelesaikan projek yang bertajuk “Permasalahan di kalangan Mualaf dan Khidmat Sokongan oleh PERKIM Negeri Perak.”

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai PERKIM dan saudara-saudara yang telah memberi kebenaran dan kerjasama sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih kepada ibu bapa, keluarga, rakan-rakan dan kakitangan Universiti Putra Malaysia yang telah bersabar, menyokong, memahami dan membantu saya hingga projek ini dapat disiapkan. Semua bantuan dan kerjasama yang diterima amat saya hargai dan sanjungi.

NOR FADZILA BTE ABDUL SHUKOR



KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Aktiviti Kebajikan	2
Aktiviti Pendidikan	3
Aktiviti Dakwah	4
Keahlian PERKIM	5
Perkembangan PERKIM	5
PERKIM Bahagian Negeri Perak	6
Pentadbiran dan Keahlian	7
Program PERKIM Bahagian Negeri Perak	7
Pernyataan Masalah	9
Objektif Kajian	10
Persoalan Kajian	11
Limitasi Kajian	11
Implikasi Kajian	12



	Definisi	13
	Permasalahan	13
	Mualaf	13
	Islam	14
	Keluarga	15
	Saudara-mara	15
	Kawan	16
	Majikan	16
	Suami	16
	Isteri	16
	Masyarakat	17
	Sokongan	17
	Pegawai PERKIM	18
	Manfaat	18
BAB		
II	SOROTAN LITERATUR	19
	Pengenalan	19
	Sorotan Literatur	20
	Rumusan Sorotan Literatur	26
	Rangka Kerja Teoritikal	27
BAB		
III	KAEDAH ATAU TATACARA PENYELIDIKAN	30
	Pengenalan	30
	Rekabentuk Kajian	30
	Tempat Kajian	31
	Subjek Kajian	31
	Alat Kajian	31
	Analisis Statistik	32

BAB		
IV	KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	33
	Pengenalan	33
	Profil Responden	33
	Keputusan Kajian	36
	Faktor Penyebab Pengislaman Para Mualaf	36
	Bentuk Masalah yang dihadapi Para Mualaf	38
	Bentuk Sokongan yang diharapkan daripada Masyarakat Islam	55
	Bentuk Hubungan Para Mualaf dengan Pegawai PERKIM	61
	Bentuk Khidmat Sokongan dari PERKIM	62
	Perbincangan	
	Faktor Penyebab Pengislaman Para Mualaf	70
	Bentuk Masalah yang dihadapi Mualaf	70
	Bentuk Sokongan yang diharapkan daripada Masyarakat Islam	92
	Bentuk Hubungan dengan Pegawai PERKIM	97
	Bentuk Khidmat Sokongan PERKIM	98
BAB		
V	KESIMPULAN	105
	Pengenalan	105
	Kesimpulan Kajian	105
	Syor-syor atau Saranan	111



BIBLIOGRAFI	118
LAMPIRAN: Soalan Kajian	121
BIOGRAFI PENGAJI	124



SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1	Pecahan Responden Mengikut Jantina	34
2	Pecahan Responden Mengikut Bangsa	34
3	Pecahan Responden Mengikut Umur	35
4	Pecahan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	35
5	Faktor Penyebab Para Mualaf Memeluk Islam	36
6	Masalah dalam Diri Mualaf Setelah Menganut Islam	38
7	Masalah Mualaf dengan Keluarga Asal	40
8	Tindakan Keluarga Asal Terhadap Mualaf	42
9	Masalah Mualaf dengan Saudara-mara	44
10	Masalah Mualaf dengan Kawan-kawan	45
11	Masalah Mualaf dengan Majikan	46
12	Masalah Mualaf dengan Bangsa Sendiri	47
13	Masalah Mualaf dengan Suami Atau Isteri	48
14	Masalah Mualaf dengan Keluarga Pasangan	50
15	Masalah Mualaf dengan Masyarakat Islam	51
16	Masalah Paling Berat yang dirasakan oleh Mualaf	53
17	Sokongan yang diharapkan daripada Pasangan	55
18	Sokongan yang diharapkan daripada Keluarga Pasangan	57
19	Sokongan yang diharapkan daripada Masyarakat Islam	59



20	Hubungan Muafaf dengan Pegawai PERKIM	61
21	Khidmat Sokongan yang telah diterima	62
22	Khidmat Sokongan yang sedang diterima	64
23	Manfaat daripada Khidmat Sokongan	65
24	Khidmat Sokongan yang diharapkan	67



SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.	Hirarki Keperluan Maslow	27
2.	Model Keadaan Mualaf yang Baru Menganut Islam	29



**Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan
Ijazah Master Sains (Bimbingan dan Kaunseling).**

**PERMASALAHAN DI KALANGAN MUALAF DAN KHIDMAT SOKONGAN
OLEH PERKIM NEGERI PERAK**

Oleh

NOR FADZILA BINTI ABDUL SHUKOR

MEI 1999

Penyelia ; Dr. Mizan Adiliah bt Ahmad Ibrahim

Fakulti ; Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan di PERKIM Bahagian Negeri Perak ,
dijalankan adalah untuk melihat permasalahan yang dihadapi oleh para mualaf,
samping mengetahui khidmat sokongan yang berkaitan dengan mereka.

Seramai 60 orang mualaf telah dipilih untuk menjadi responden kajian ini.
Kajian yang digunakan berbentuk deskriptif. Data-data dikumpulkan melalui
wawancara berpandukan soal selidik semi struktur yang mengandungi pelbagai soalan



yang berkaitan dengan faktor individu, keluarga, masyarakat dan khidmat sokongan di kalangan mualaf.

Hasil kajian menunjukkan faktor-faktor individu, keluarga sendiri dan keluarga pasangan, dan masyarakat memberi kesan kepada sebilangan para mualaf. Di samping itu, sokongan, dorongan dan khidmat sokongan yang pelbagai amat besar artinya bagi mereka untuk melaksanakan ajaran Islam dengan sebaik-baiknya dalam kehidupan.

Kesimpulannya, para mualaf amat memerlukan sokongan dan khidmat sokongan yang seterusnya daripada PERKIM, dan masyarakat Islam untuk menjadi muslim sejati.

**Abstract of the project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti
Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Master
of Science (Guidance and Counselling)**

**PROBLEMS AMONGST CONVERTS AND SUPPORT SERVICES BY PERAK
PERKIM**

By

NOR FADZILA BINTI ABDUL SHUKOR

MAY 1999

Supervisor : Dr. Mizan Adiliah bt Ahmad Ibrahim

Faculty : Educational Studies

This research was conducted in PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia), Ipoh. The main purpose is to study the problems faced by converts and the support services given to them.

60 respondent were chosen as the sample for the research. Descriptive design were used in this research. The data were collected through interviews on semi structured questionnaires. Some of the questions were related to individuals, families, societies and support services amongst the converts.



The findings showed that individuals, their own and spouse families, and societies factor had effects on some of the converts. The supports, actuations, and support services were found to be the main contributors towards the practise of Islam among the converts.

As a conclusion, the converts need more supports, and support services from PERKIM, and the muslim society to be a true muslim.



BAB SATU

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia atau PERKIM telah diasaskan oleh YTM Tunku Abdul Rahman pada 19 Ogos 1960. Penubuhan PERKIM telah berlangsung di kediaman beliau. Tunku telah dipilih menjadi Penasihat PERKIM pada 1974, dan dipilih menjadi Presiden PERKIM hingga 1989.

Selain Tunku Abdul Rahman, Tan Sri Mubin Shepard, Tan Sri Muhammad Yusof Ibrahim, Ustaz Muhyiddin Musa, Haji Ibrahim Ma dan Tan Sri S.O.K Ubaidullah adalah antara pengasas PERKIM.

PERKIM merupakan badan sukarela yang ditubuhkan atas objektif untuk memberi pengetahuan tentang Islam kepada orang bukan Islam, terutama yang tidak mempunyai sebarang agama. Di samping perkhidmatan kebajikan dan perkembangan masyarakat yang berkaitan dengan anak



yatim, ia juga untuk orang yang miskin dan yang amat memerlukan bantuan tanpa mengira agama dan bangsa.

Aktiviti PERKIM merangkumi tiga aspek, iaitu kebajikan, dakwah dan pendidikan. Pertubuhan ini bekerjasama dengan pertubuhan Islam dan kebajikan yang lain, pada peringkat pusat dan negeri dalam menjalankan aktivitinya.

Aktiviti Kebajikan

PERKIM amat prihatin terhadap kebajikan orang-orang yang tidak berkemampuan. Pertubuhan ini menghulurkan bantuan kepada orang miskin, anak yatim, dan orang-orang yang amat memerlukan pertolongan dari segi perubatan, kewangan dan fizikal.

Asrama untuk anak-anak yatim setakat ini telah dibina di Alor Star dan Sabak Bernam. PERKIM bukan sahaja menjaga kepentingan anak-anak yatim yang ada di asrama ini, malah turut mengambil berat kebajikan anak-anak yatim lain. Wanita dan gadis yang diabaikan keluarga dan suami juga diberi perhatian yang sewajarnya. Mereka diberi perlindungan sementara di sebuah asrama khas sebelum mendapat tempat tinggal sesuai yang lain.

Baik di dalam mahu pun di luar negara, PERKIM juga amat dikenali atas peranan membantu pelarian Islam seperti di Kemboja dan Bosnia. PERKIM juga mempunyai Tasputra iaitu taman asuhan bagi kanak-kanak cacat. Selain daripada itu, hasil kerjasama antara Kelab Rotary dengan PERKIM telah terbina sebuah

pusat kesihatan. Pusat ini ditubuhkan bagi membantu orang-orang lanjut usia, mangsa serangan angin ahmar, dan juga pesakit yang baru keluar dari hospital yang memerlukan khidmat terapi kesihatan dan sosial sukarela.

PERKIM juga menyediakan kemudahan asrama bagi anak-anak orang Asli yang terdiri daripada pelbagai suku dari seluruh Malaysia. Asrama ini dinamakan Asrama Darul Falah yang terletak di Kuala Lumpur. Asrama ini dihuni oleh anak-anak orang Asli yang belajar di peringkat rendah dan menengah. Penubuhan asrama ini merupakan aktiviti susulan kepada aktiviti kebajikan dan pendidikan terhadap masyarakat orang Asli.

Aktiviti Pendidikan

Pada tahun 1962, PERKIM telah menubuhkan Institut Dakwah Islamiah PERKIM. Tujuannya adalah untuk melatih para muallaf yang baru memeluk Islam, dan belia bukan Melayu yang beragama Islam untuk menjadi guru-guru agama dan pendakwah.

Institut ini terletak di Pengkalan Chepa, Kelantan. Selain daripada itu, PERKIM juga menubuhkan Institut PERKIM-Goon yang berorientasikan akademik. Tadika juga ditubuhkan untuk kanak-kanak pra sekolah. Bagi memudahkan anak-anak atau orang-orang yang baru memeluk Islam untuk melanjutkan pendidikan, PERKIM memberi bantuan biasiswa.

Aktiviti Dakwah

Dalam kegiatan dakwah, PERKIM telah berusaha memberi penerangan tentang Islam pada masyarakat bukan Islam. PERKIM berusaha menyebarkan dan menyampaikan Islam agar tidak timbul salah faham terhadap Islam. Para pendakwah PERKIM dan sukarelawanannya telah bergabung tenaga dengan pihak kerajaan untuk menyebarkan dakwah Islamiah, di samping berusaha mencegah kemungkaran yang ada di dalam masyarakat.

Bagi yang ingin memeluk Islam, khidmat pengIslaman juga dilaksanakan oleh PERKIM. Khidmat ini dibuka pada setiap hari. Selain daripada itu, khidmat nasihat, penerangan dan pendaftaran para mualaf ke Jabatan Agama Islam. Para mualaf juga mendapat bimbingan agama, khidmat nasihat dan kaunseling, serta kelas-kelas agama yang selalunya diadakan pada hujung minggu. Kelas-kelas agama diselenggarakan dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Malaysia, Cina, Tamil, Inggeris dan Bahasa Thai.

PERKIM juga mengeluarkan pelbagai bahan bercetak seperti buku-buku, risalah, dan majalah dalam pelbagai bahasa. Buku-buku dan risalah yang diterbitkan oleh PERKIM disebarikan secara percuma kepada para mualaf dan orang awam.

Keahlian PERKIM

Dari segi keahlian, terdapat dua jenis keahlian dalam PERKIM, iaitu ahli biasa dan ahli bersekutu. Keahliannya dibuka bukan sahaja bagi warganegara Malaysia, malah juga untuk warga negara asing. Sehingga kini, ahli PERKIM berjumlah lebih daripada lima belas ribu orang.

Perkembangan PERKIM

Bagi melaksanakan pelbagai projek yang dijalankan, PERKIM mendapat bantuan kewangan bukan sahaja daripada kerajaan, malah badan-badan korporat dan individu-individu yang mengambil berat tentang PERKIM.

PERKIM bukan sahaja dikenali di Malaysia, malah juga di luar negara. Ia sering dikunjungi oleh pemimpin Islam dari pelbagai negara di dunia. Bangunan pentadbiran PERKIM yang terletak di Jalan Ipoh, telah memainkan peranan besar dalam perkembangannya.

Selepas 38 tahun penubuhannya, PERKIM dalam usahanya mendampingi masyarakat telah membuka cawangannya di seluruh Malaysia, kecuali di Sabah. Bagi menguruskan pentadbirannya, PERKIM bahagian negeri menjalankan tanggungjawab bagi mengawal PERKIM daerah. Setiap bahagian mempunyai pentadbiran dan kewangan sendiri untuk melaksanakan aktiviti mereka. Salah satu bahagian PERKIM ialah PERKIM Bahagian Negeri Perak.

PERKIM Bahagian Negeri Perak

PERKIM Bahagian Negeri Perak ditubuhkan pada tahun 1972, di Ipoh.

Tujuan penubuhan bahagian ini adalah untuk;

1. meluaskan matlamat PERKIM kebangsaan.
2. menarik orang-orang bukan Islam seperti Cina, India dan lain-lain mengenali Islam.
3. mengambil berat kebajikan, pendidikan dan pengurusan para muallaf yang baru memeluk Islam, agar tidak merasa terasing atau terpisah daripada masyarakat Islam.

Sambutan begitu menggalakkan terhadap PERKIM menyebabkan PERKIM Bahagian Negeri Perak telah membuka cawangannya yang pertama yang dipanggil Ranting Batang Padang di Slim River. Cawangan ini ditubuhkan pada tahun 1973. Seterusnya cawangan lain dibuka satu persatu, sehingga kini terdapat 13 buah cawangan seumpamanya di seluruh Perak.

PERKIM Bahagian Negeri Perak telah beberapa kali berpindah tempat. Pada mulanya ia beribu pejabat di Ipoh. Pada tahun 1981, ia berpindah ke Taiping, iaitu di Bangunan Seri Larut. Setelah itu, ia berpindah pula ke Jalan Simpang, Taiping, pada 1987. Pada 1988, PERKIM Bahagian Negeri Perak berpindah semula ke Ipoh, iaitu di Medan Gopeng. Tidak lama kemudian, ia dipindahkan pula ke Kompleks Islam, dan akhir sekali pada 1996 berpindah Madrasah Syarifah di Masjid Paloh, Ipoh.

Pentadbiran dan Keahlian

Pada peringkat awal, PERKIM Bahagian Negeri Perak ditadbir oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Islam Perak, dan guru-guru agama sahaja. Namun demikian, keadaan sudah banyak berubah. PERKIM Bahagian Negeri Perak diletakkan di bawah Jawatankuasa Tetap Peringkat Negeri Perak.

Pentadbiran PERKIM Bahagian Negeri Perak dilaksanakan oleh seorang pegawai tadbir, dua orang guru agama yang juga berperanan sebagai perunding cara, seorang kerani, penyelia tadika dan seorang guru tadika.

Dari segi keahlian, bahagian ini mempunyai lebih daripada seribu ahli, sementara 35 orang adalah ahli seumur hidup.

Program PERKIM Negeri Perak

Program-program yang dijalankan oleh PERKIM Bahagian Negeri Perak adalah seperti berikut ;

1. Program pengIslaman - iaitu program yang dilakukan oleh pegawai PERKIM dan pendakwahnya.
2. Perkhidmatan runding cara dan nasihat-program ini dilakukan oleh pendakwah PERKIM yang merangkap perunding cara PERKIM. Jika terdapat masalah yang

di luar bidang kuasa PERKIM, ia akan dirujuk kepada perunding cara di Jabatan Agama Islam Perak.

3. Kebajikan - iaitu perkhidmatan kebajikan yang diadakan seperti klinik bergerak, kampung angkat iaitu kampung orang asli, bantuan kewangan dan pengurusan perkahwinan bagi para mualaf.
4. Pendidikan agama dan dakwah- sejak dari awal penubuhannya, PERKIM telah memberi bimbingan agama bagi para mualaf yang diadakan di beberapa buah tempat di Ipoh. Di samping itu, khemah kerja, ijtimak tahunan yang dipenuhi acara kuiz, sukaneka, ceramah gotong-royong dan program anak angkat juga telah dilaksanakan.
5. Program Muhibah Bersepadu- program ini telah dimulakan pada tahun 1996. Program ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk mendekat dan memperkenalkan Islam kepada masyarakat bukan Islam.

Di samping membuang dan menghapuskan prejudis terhadap Islam. Antara program yang diadakan ialah;

1. Sambutan Hari Raya Idul Fitri dan Gong Xi Fa Cai
2. Rancangan bimbingan kerjaya dan program pendidikan.
3. Khidmat perubatan yang dikelolakan oleh Unit Klinik Bergerak PERKIM.

Program ini dijalankan dua kali sebulan.

Penyataan Masalah

PERKIM Bahagian Negeri Perak, dalam usahanya untuk memperkenalkan Islam kepada masyarakat bukan Islam, dan menjaga kebajikan para mualaf patut diberi pujian. Menurut pegawai tadbir PERKIM Bahagian Negeri Perak, semakin ramai yang memeluk Islam dari semasa ke semasa. Kenyataan ini juga disokong oleh pihak akhbar dan majalah yang sejak akhir-akhir ini banyak menyiarkan cerita tentang para mualaf.

Berdasarkan keadaan ini, sudah tentu ada faktor yang menyebabkan para mualaf ini beralih pegangan hidup. Dalam perubahan menjadi muslim, para mualaf ini dikatakan menghadapi pelbagai masalah, baik yang datang dari dalam mahupun luar diri mereka.

Selama ini belum ada kajian khusus yang dibuat terhadap para mualaf di PERKIM, walaupun usia pertubuhan ini telah melebihi 35 tahun. Oleh itu kajian ini dibuat untuk melihat beberapa perkara; Apakah faktor yang menyebabkan pengislaman mereka?: Apakah benar kebanyakan mualaf menghadapi pelbagai masalah seperti yang selalu ditemui di dalam pelbagai penulisan?: Apakah bentuk khidmat sokongan yang diberikan oleh PERKIM terhadap mereka?: Apakah khidmat sokongan yang mereka mahukan bagi menguatkan lagi keyakinan terhadap Islam?

Dengan kajian ini diharap dapat menjawab persoalan tentang penyebab pengislaman, permasalahan yang dihadapi dan khidmat yang mereka perlukan untuk menjadi muslim yang sejati.

Memang banyak persoalan yang dapat ditimbulkan berkaitan dengan perkara ini. Namun demikian, hanya para mualaf itu sendiri yang dapat menjawabnya dengan tepat.

Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh para mualaf di Negeri Perak, dan khidmat sokongan yang telah, sedang, dan yang diharapkan oleh mereka dari PERKIM. Oleh itu, objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Bagi mengetahui sebab-sebab pertukaran agama di kalangan mualaf.
2. Bagi mengetahui bentuk masalah yang dihadapi oleh para mualaf .
3. Bagi mengetahui bentuk sokongan yang diperlukan para mualaf.
4. Bagi mengetahui bentuk hubungan yang antara para mualaf dengan pegawai PERKIM.
5. Bagi mengetahui bentuk khidmat sokongan yang didapati dari Perak Negeri Perak.

Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan yang timbul di sekitar permasalahan para mualaf, perhubungan dengan pelbagai pihak, dan khidmat sokongan terhadap mereka di PERKIM Bahagian Negeri Perak.

Persoalan yang dikaji ialah;

1. Apakah faktor penyebab kepada perubahan agama di kalangan mualaf ?
2. Apakah bentuk masalah yang dihadapi oleh para mualaf dengan orang-orang di sekeliling mereka ?
3. Apakah bentuk sokongan yang diharapkan oleh para mualaf daripada orang Islam?
4. Bagaimanakah bentuk hubungan para mualaf dengan pegawai PERKIM Bahagian Negeri Perak?
5. Apakah khidmat sokongan yang diperolehi para mualaf dari PERKIM Bahagian Negeri Perak ?

Limitasi Kajian

Kajian pengkaji hanya ditumpukan pada para mualaf yang memeluk Islam melalui PERKIM, atau yang mengikuti program PERKIM Bahagian Negeri Perak. Ia meliputi mualaf yang berada di cawangan PERKIM Bahagian Negeri Perak. Sampel dan bilangan yang dipilih tidak berdasarkan kriteria tertentu, bahkan ada yang dipilih kerana beberapa orang mualaf menolak untuk diwawancara.